

Headline	Tiga pemain UUM unggul hari pertama golf KPT		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 May 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Sukan	Color	Full Color
Page No	55	ArticleSize	149 cm ²
AdValue	RM 5,044	PR Value	RM 15,133



Tiga pemain UUM unggul hari pertama golf KPT

Sungai Buloh: Tiga pemain Universiti Utara Malaysia (UUM) diketuai Muhammad Thaznim Hamdan (**gambar**) membuktikan kejaguhan dengan mengungguli hari pertama edisi ketiga Kejohanan Golf Piala Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian tinggi (KPT), semalam.

Dalam kejohanan yang dijalankan di Kelab Golf Rahman Putra itu, Thaznim yang diletak pilihan kedua berjaya mencatat keseluruhan 74 pukulan 2 atas par dicabar sengit seorang lagi pemain UUM, Ahmad Zahir Abdul Ghani yang mencatat 75 pukulan 3 atas par.



Seorang lagi pemain UUM yang menerima geran kecemerlangan sukan golf KPT, Faidrul Helmi Idrus ketinggalan satu pukulan di belakang selepas mencatat 76 pukulan empat atas par namun juara tahun lalu, Muhammad Wafiyuddin Abdul Manaf sekadar menamatkan saingan di kedudukan ke-16 selepas mencatat 11 atas par 83.

Headline	Tiga pemain UUM unggul hari pertama golf KPT		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 May 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Sukan	Color	Full Color
Page No	55	ArticleSize	149 cm ²
AdValue	RM 5,044	PR Value	RM 15,133

UUM turut unggul kategori wanita

Dalam kategori wanita, UUM turut menyapu bersih tiga tempat teratas diketuai Hillferah Tan yang mencatat 4 atas par 76 diikuti Khairunhanisah Azlan Hanif (8 atas par 80) manakala ketiga Nurul Atirah Abdullah (10 atas par 82).

Kejohanan selama tiga hari yang akan berakhir esok mendapat penyertaan hampir 90 peserta dari seluruh institut pengajian tempatan termasuk dari politeknik dan kolej komuniti dengan juara bakal menerima RM20,000 dalam bentuk barangan.

Untuk rekod, UUM merangkul gelaran juara kategori berpasukan lelaki dan wanita selain juara individu lelaki dan wanita tahun lalu dengan pilihan utama, Wafiyuddin juga bakal menggalas cabaran negara di Sukan SEA Myanmar pada Disember nanti selepas diserap ke dalam skuad kebangsaan.